

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN
(BATU SAPI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.11.2015

Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan kesan buruk kepada rakyat terutamanya yang bergantung kepada barang-barang dan perkhidmatan luar negara, akibat daripada kejatuhan nilai Ringgit Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai ringgit menyusut berbanding mata wang utama dan serantau dalam tempoh sembilan bulan pertama 2015. Ringgit serta kebanyakan mata wang utama dan serantau secara amnya berada pada trend menurun disebabkan oleh pengukuhan dolar AS

berikutan aktiviti ekonomi AS yang bertambah baik dan jangkaan kenaikan kadar faedah. Ketidaktentuan perkembangan dalam pasaran kewangan global dan kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi China serta penurunan yuan pada bulan Ogos turut menjejaskan prestasi mata wang serantau. Tambahan pula, ringgit mengalami penurunan lebih ketara dalam tempoh tersebut disebabkan kejatuhan harga komoditi dunia dan faktor tempatan.

2. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang berlaku dalam pergerakan matawang seperti ringgit, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

3. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menangani kesan buruk kepada rakyat terutamanya yang bergantung kepada barang-barang dan perkhidmatan luar negara, akibat daripada

kejatuhan nilai mata wang ringgit adalah seperti berikut:

- a. pada 20 Januari, Kerajaan telah mengumumkan bahawa perkhidmatan gantian-import seperti perkhidmatan perkapalan, pelabuhan, pendidikan dan profesional dipromosi secara aktif bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar;
- b. pada 14 September, Kerajaan melalui Jawantankuasa Khas Ekonomi (JKE) telah mengecualikan duti import ke atas 90 baris tarif yang terdiri daripada alat ganti, bahan guna habis dan peralatan penyelidikan yang tidak dikeluarkan dalam negara dan adalah khusus untuk sektor perkilangan; dan
- c. pada 23 Oktober, melalui Bajet 2016 pula Kerajaan telah mengurangkan kesan penyusutan nilai mata wang ke atas harga barangan import dengan:
 - i. memperluaskan barangan kadar sifar GST kepada semua jenis ubat, makanan terpilih seperti dhal dan makanan berasaskan kacang serta susu bayi;
 - ii. membenarkan Syarikat MRO menyertai Skim Pedagang Diluluskan (Approved Trader Scheme) dan tidak perlu membayar GST ke atas pengimportan barang;

- iii. memberi pelepasan GST bagi pengimportan semula barangan yang telah dieksport secara sementara bagi tujuan promosi, penyelidikan atau pameran; serta
- iv. memberi Pelepasan GST pengimportan semula peralatan yang layak yang dieksport secara sementara bagi tujuan sewaan dan pajakan seperti pelantar minyak dan platform terapung.